

# SEJARAH KEUTUHAN AQIDAH ISLAMIYYAH SEMENJAK LIMA BELAS ABAD DAN SETERUSNYA\*

Oleh:  
Datuk Haji Mohamad bin Haji Ahmad  
Yang di-Pertua Persatuan Ulama Negeri Melaka

## Pendahuluan

## Kejadian Manusia

Kejadian manusia dari empat unsur; tanah, api, angin dan air. Selepas itu ia tersusun dari *nutfah* ( نطفة ), setitik air mani, *'alaqah* ( علقة ), seketul darah beku, *mudhghah* ( مضغة ), sekepal daging, *'izam* ( عظام ), tulang, dan tulang diselaput dengan daging semasa dalam rahim ibu. Apabila genap 120 hari, ditiup kepadanya roh nyawa yang berasingan dari roh ibunya, dan apabila tiba masa matang biasanya 9 bulan 10 hari (lebih dan kurang) ia akan lahir dari rahim ibunya.

---

\* Dibentangkan dalam Seminar Pemantapan Aqidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka 2008 anjuran bersama Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Mufti Negeri Melaka, Persatuan Ulama Negeri Melaka dan Persatuan Pegawai Syarak Negeri Melaka pada 3 April 2008M/26 Rabi'ul Awwal 1429H di Auditorium Masjid Al-Azim, Bukit Palah, Melaka.

### \* Ulasan Mengenai Tajuk:

<i>Utuh</i>	: Teguh dan bersesuaian.
<i>Aqidah</i>	: Kesimpulan pegangan yang kemas.
<i>Islamiyyah</i>	: Selamat sejahtera.
<i>Semenjak 15 Abad Dan Seterusnya</i>	: Bermula turunnya wahyu pertama <i>iqra'</i> ( ) [ 1429 + 13 = 1442 ].

Pada keseluruhannya bermakna:  
Sejarah keteguhan kesimpulan pegangan yang kemas, selamat sejahtera semenjak 15 kurun dan selanjutnya.

Seorang anak kecil yang akan terus membesar hingga cukup baligh 15 tahun atau dengan *hulum* ( حلم ) – mimpi keluar air mani, manusia ini telah menerima asuhan awalan dari kedua ibu bapanya untuk mengenali penciptaan Allah dan Rasul utusan-Nya, Muhammad Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam*. Firman Allah:

Maksudnya:

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."*

Yang dilanjutkan huraianya ialah makhluk manusia, dan termaklum ianya terdiri daripada roh dan jasad. Adanya jasad tanpa roh, ia akan buruk dan tiada *taklif* ( تكليف ) kewajiban apa-apa. Roh pula tanpa jasad di mana pula fungsinya. Begitulah kaitan kedua-duanya.

### **Alam-Alam Yang Dilalui Oleh Makhluk Manusia**

Dapat difahami daripada Qur'an bahawa di sana ada beberapa alam; alam *zarrah* (alam benih). Tuhan telah menanya benih-benih yang bakal jadi manusia dengan firman-Nya:

Maksudnya:

*"Bukankah Aku Tuhan kamu?."*

Semuanya menyahut dengan:

Maksudnya:

*"Mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami)."*

*Zarrah* ( ذرة ) ini berpindah randah dari satu *sulbiyy* ( صلبى ) kepada *sulbiyy* ( صلبى ) yang lain hingga masuk ke alam rahim, ialah alam kedua alam rahim. Janin akan singgah di sana kira-kira lingkungan 10 bulan dan akan keluar ke alam ketiga, alam *taklif* ( تكليف ) atau alam *syahadah* ( شهادة ) bagi menerima ujian-ujian, arahan larangan mulai ia baligh hingga rohnya berpisah dari jasadnya.

Dalam tempoh alam yang ketiga inilah sahaja manusia mencari bekalan yang dinamakan "*zad al-taqwa*" ( زاد التقوى ).

Firman Allah:

Maksudnya:

*"Dan hendaklah kamu membawa bekalan dengan cukupnya kerana sesungguhnya sebaik-baik bekalan itu ialah taqwa – memelihara diri (dari keaiban meminta sedekah)."*

Hadith Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam*:

Maksudnya:

*"Dunia itu tempat tanaman akhirat."*

Firman Allah:

Maksudnya:

*"Dan tuntutan akan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalannya) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."*

Amatlah jelas bahawa di peringkat ketiga ini, peringkat hidup di muka bumi (ibu pertiwi), manusia dipertanggungjawabkan dengan kewajipan-kewajipan melalui Rasul utusan-Nya Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* dan dibahagikan oleh para ulama seperti berikut:

1. Kewajipan yang dinamakan fardhu *'ayn* ( فرض عين ).
2. Kewajipan yang dinamakan fardhu *kifayah* ( فرض كفاية ).

3. Kewajipan-kewajipan yang timbul dari semasa ke semasa diputuskan oleh para ulama *mujtahidun*.

### Ilmu Fardhu 'Ayn

Para ulama sepakat sekata menetapkan bahawa ilmu fardhu 'ayn itu tiga:

1. Ilmu aqidah, ilmu usuluddin, ilmu tawhid, pengesaan terhadap Allah bagi memantapkan iman kepada-Nya.
2. Ilmu fiqh – mengenali syari'at Islam dalam keempat-empat bahagiannya tergolong ibadah, munakahat, mu'amalat dan jenayah. Kesemuanya bagi menyuburkan iman dan menghampirkan diri kepada Allah Ta'ala.
3. Ilmu akhlak – ilmu tasawwuf, suatu sinaran cahaya yang lahir dari sanubari yang bersih daripada segala sifat yang buruk *mazmumah* ( منمومة ) dan dihidupkan dengan segala sifat yang bercahaya *mahmudah* ( محمودة ).

Ketiga-tiga ilmu ini berkait rapat antara satu sama lain kerana tiap satunya akan terjelma dengan sendirinya apabila lahir satu dari tiga.

Keutuhan aqidah Islamiyyah akan tercapai dengan berjalannya ketiga-tiga ilmu dengan bersepadu serentak melahirkan insan yang diredhai oleh Allah dan mereka pula telah meredhai Allah dengan mengerjakan apa yang disuruh oleh Allah dan Rasul-Nya.

Begitulah pegangan umat Islam selama hampir tiga abad lamanya. Landasan mereka ialah:

1. Al-Qur'an al-Karim.
2. Hadith Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasalam*.
3. Amalan para sahabat.
4. Amalan para ulama-ulama hadith.
5. Mereka-mereka yang *mujtahidin* yang ber-*ijtihad* melahirkan hukum-hukum *qiyas* ( قياس ) dengan syarat-syaratnya. Mereka berlumba-lumba mengerjakan ibadah *khassah* ( خاصة ) – fardhu 'ayn ( فرض عين ) – dan ibadah 'ammah ( عامة ) – fardhu *kifayah* ( فرض كفاية ) –

meletakkan mereka golongan yang disegani oleh musuh-musuh mereka. Mereka merupakan syari'at Allah yang berjalan di permukaan bumi menjadi contoh ikutan bagi manusia seluruhnya.

Kesimpulannya, mereka yang berada dalam tiga abad (abad *'asr al-Rasul* (عصر الرسول), abad *'asr al-sahabah* (عصر الصحابة) dan abad sebahagian *al-tabi'in*) amat tenang murni keimanan mereka, amat tenang peribadatan mereka dan amat tenang kehidupan mereka. Jika adapun masalah-masalah yang timbul mereka segera kembali kepada *kitabullah* (al-Qur'an) dan Sunnah Rasul-Nya.

### **Kemunculan Suatu Puak Di Abad Yang Ke-4, Abad Fitnah Puak Mu'tazilah ( معتزلة ) Bersama Lain-Lain Puak Lagi**

Aqidah Islamiyyah dilanda oleh fahaman Mu'tazilah (cetusan Yahudi) dan lain-lain pecahannya, hingga mereka menguasai istana Khilafah 'Abbasiyyah khususnya di masa Khilafah Ma'mun bin Harun al-Rasyid. (Kertas yang lain akan menghuraikannya).

### **Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ariyy ( الشيخ أبو الحسن الأشعري )**

Namanya: 'Aliyy bin Isma'il bin Abi Basyr Ishaq bin Salim bin Isma'il bin 'Abdullah bin Musa bin Bilal bin Abi Burdah bin Musa al-Ash'ariyy, seorang sahabat Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam*. Al-Shaykh 'Aliyy bin Isma'il terkenal dengan Abu al-Hasan al-Ash'ariyy, pada mulanya ia turut mengembangkan fahaman puak Mu'tazilah kerana terikut-ikut bapa tirinya Abu 'Aliyy Al-Jiba'iyy. Pada masa yang sama, beliau juga berguru dengan beberapa guru yang lain.

Kira-kira di awal abad ke-4, al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ariyy menghilangkan diri dari tempat-tempat yang selalu beliau lahir mengajar, khususnya di Masjid Kota Basrah, ramai murid-muridnya bertanya-tanya akan kehilangannya itu.

Setelah berlalu suatu masa yang panjang, al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ariyy muncul di khalayak orang ramai sambil memanggil mereka supaya berkumpul dalam Masjid Kota Basrah.

Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ariyy memulakan khutbahnya atau ceramahnya dengan memulakan: "*Alhamdulillah, salawat atas Rasulullah*" dan seterusnya. Kemudian beliau berkata: "*Wahai hadirin sekalian, sesiapa daripada kamu yang telah kenalkan saya, maka sesungguhnya mereka telah kenalkan saya. Dan sesiapa yang belum kenalkan saya, maka saya sekarang mengenalkan diri saya kepada mereka. Saya bernama 'Aliyy bin Isma'il bin Ishaq, bergelar Abu al-Hasan al-Ash'ariyy. Dahulunya saya turut berkata dengan khalq al-Qur'an ( خلق القرآن ). Qur'an itu baharu ciptaan bukan qadim ( قديم ) dari Allah, Allah tidak boleh dilihat sekalipun dalam syurga. Segala kerja makhluk yang jahat adalah berlaku dengan kehendaknya semata-mata*" dan panjang lebar seperti yang dinyatakan dalam kitabnya *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah ( الإبانة عن أصول الديانة )* "Kenyataan-kenyataan Ke Atas Tunjang-Tunjang Keagamaan".

Ramai mereka yang salin daripada kitab tersebut dan ramai juga yang bangkit menentangnya. Ada dari mereka bangkit bertanya: "*Apakah peganganmu sekarang ini?*". Lalu Abu al-Hasan al-Ash'ariyy menjelaskan seperti berikut: "*Bahawa agama kami ialah berpegang teguh dengan kitabullah (al-Qur'an), sunnah Rasulullah, dan apa yang dinyatakan oleh para sahabat-sahabatnya, tabi'in-tabi'in dan ulama-ulama hadith, kami atas demikian itu berpegang teguh*".

Selepas itu, Abu al-Hasan al-Ash'ariyy telah melahirkan suatu kesimpulan aqidah yang diletakkan di bawah kandungan *la ilah illa Allah ( لا إله إلا الله )* tiga belas (13) sifat dan bagi Rasul (Muhammad Rasulullah) empat (4) sifat. (Lagi akan dinyatakan satu persatunya).

Kemudian ditambah oleh rakannya bernama Abu Mansur al-Maturidiyy dengan tujuh (7) sifat *kawniyyah ( كونية )* menjadi jumlah semuanya dua puluh (20) sifat. Pendapat kedua-dua mereka (al-Ash'ariyy dan al-Maturidiyy) diberi nama aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Di masa yang sama, mereka terus berhadapan dengan puak-puak Mu'tazilah.

Abu al-Hasan al-Ash'ariyy tidak membawa sifat-sifat lawan bagi sifat yang wajib seperti yang tersebut di kitab-kitab bahasa Melayu, tetapi apa yang dipertekankan olehnya sesiapa yang tidak mengetahui tiga belas (13) sifat bagi Allah dan empat (4) sifat bagi Rasul, maka tidaklah sah aqidahnya bagi kedua-dua kalimah *syahadah*-nya atau *iqrar*-nya kurang jelas.

Diperturunkan semua sifat-sifat tersebut serta dalil-dalilnya ( *'aqliyy* dan *naqliyy* ):

1. **Wujud** ( وجود ) ertinya ada Allah yang mengadakan sekalian alam dan alam itu selain Allah adalah baharu dan itulah dalil 'aqliyy bagi tiga belas sifat. Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Allah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya."*

Ayat sepertinya banyak kali diulangi dalam Qur'an.

2. **Qidam** ( قدم ) ertinya Allah tiada permulaan baginya. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Dia-lah yang awal dan yang Akhir; dan yang zahir serta yang batin."*

3. **Baqa'** ( بقاء ) ertinya Allah kekal buat selama-lamanya. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Dan kekallah zat Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan."*

4. **Mukhalafatuhu li al-hawadith** ( مخالفته للحوادث ) ertinya Allah bersalahan (berlainan) bagi segala yang baharu. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya) dan Dia-lah yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat."*

5. **Qiyamuhu binafsih** ( قيامه بنفسه ) ertinya Allah berdiri dengan sendirinya (berkuasa tanpa pertolongan sesiapa). (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Dia yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya)."*

6. **Wahdaniyyah** ( وحدانية ) ertinya Allah itu esa. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa."*

7. **Qudrah** ( قدرة ) ertinya Allah maha berkuasa. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Dan memanglah Dia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."*

8. **Iradah** ( إرادة ) ertinya Allah berkehendak bagi sesuatu. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: "Jadilah engkau!", maka ia terus menjadi."*

9. **'Ilm** ( علم ) ertinya Allah amat mengetahui. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada."*

10. **Hayat** ( حياة ) ertinya Allah hidup selama-lamanya. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhluk-Nya."*

11. **Sam'** ( سميع ) ertinya Allah Maha Mendengar. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."*

12. **Basar** ( بصر ) ertinya Allah Maha Melihat. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Sesungguhnya Allah Maha Melihat akan keadaan hamba-hamba-Nya."*

13. **Kalam** ( كلام ) ertinya Allah Maha Berkata-kata. (Dalil 'aqliyy sama). Dalil *naqliyy*:

Maksudnya:

*"Dan Allah telah berkata-kata kepada Nabi Musa dengan kata-kata (secara langsung, tidak ada perantaraan)."*

**Sifat Kawniyyah ( كونيّة ) – Kawnuhu ( كونه ) "Keadaan-Nya".**

Abu Mansur al-Maturidiyy menambah tujuh (7) sifat *kawniyyah* iaitu:

1. **Kawnuhu Qadira** ( كونه قادرا ).
2. **Kawnuhu Muridan** ( كونه مريدا ).
3. **Kawnuhu 'Aliman** ( كونه عالما )
4. **Kawnuhu Hayyan** ( كونه حيا ).
5. **Kawnuhu Sami'an** ( كونه سميعا ).
6. **Kawnuhu Basiran** ( كونه بصيرا ).
7. **Kawnuhu Mutakalliman** ( كونه متكلمما ).

Dalam kitab *'Aqidah al-Najin ( عقيدة الناجين )*, al-Shaykh Zayn al-'Abidin al-Fataniyy mengingatkan betapa bahayanya membahas suasana atau keadaan bagi Allah. (Ambil perhatian: Pertambahan berlaku selepas kematian al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash'ariyy *rahimahullah*).

### Sifat Dua Puluh:

1. Al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash`ariyy – 13 sifat.
2. Al-Shaykh Abu Mansur al-Maturidiyy – 7 sifat *kawniyyah*.

Berjumlah semuanya 20 sifat yang wajib diketahui oleh tiap-tiap muslim dan muslimah bagi Allah Ta`ala.

### Sifat Yang Wajib Di-*ithbat*-kan Bagi Para Rasul:

1. *Siddiq* ( صديق ) – mereka itu benar diutus dan membawa kebenaran daripada Allah Ta`ala.
2. *Amanah* ( أمانة ) – mereka itu beramanah atas apa yang diamanahkan ke atas mereka.
3. *Tabligh* ( تبليغ ) – mereka berkewajipan menyampaikan apa yang dipinta kepada mereka menyampaikannya.
4. *Fatanah* ( فطانة ) – mereka dari golongan orang yang cerdas, bijak bestari dan pilihan Allah.

### Kesimpulan

Aqidah tersebut telah tersebar luas di negara-negara Islam khususnya di Asia Tenggara dalam terjemahannya ke bahasa masing-masing.

Penggunaan tajuk: "*Ahli Sunnah Wal Jama'ah* ( أهل السنة والجماعة ) Pengikut Abu al-Hasan al-Ash`ariyy" yang menetapkan beberapa sifat yang disabitkan bagi Allah dan bagi Rasul adalah menjadi tanda tanya. Jika ada yang berpendapat atau yang berkata selainnya mereka bukan daripada Ahli Sunnah Wal Jama`ah kerana al-Shaykh Abu al-Hasan al-Ash`ariyy turut berkata ia berpegang teguh kepada Qur'an, hadith, pendapat para sahabat, para *tabi'in*, dan para ulama hadith, apakah wajar dikatakan mereka yang tidak berpegang dengan sifat 20 mereka telah terkeluar daripada golongan Ahli Sunnah Wal Jama`ah? Betapakah 3 abad sebelum itu (zaman Rasulullah, zaman para sahabat, zaman *tabi'in*) umat Islam, ulama-ulama hadith turut terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jama`ah. (Harap renung dan berfikir baik-baik, kemudian buatlah keputusan yang tetap).

**Pecahan Sifat 20 Kepada:**

1. Sifat *nafsiyyah* ( نفسية ).
2. Sifat *salbiyyah* ( سلبية ).
3. Sifat *ma'aniyy* ( معاني ).
4. Sifat *ma'nawiyah* ( معنوية ).

Kepada *ta'alluqat* ( تعلقات ):

1. *Ta'alluq tanjiziy hadith* ( تعلق تنجيزي حديث ).
2. *Ta'alluq tanjiziy qadim* ( تعلق تنجيزي قديم ).
3. *Ta'alluq saluhiyy* ( تعلق صلوي ) dan berbagai-bagai lagi.

Maka eloklah tidak ceburkan diri dalam bahasan seperti tersebut dan lebih selamat adab sopan seseorang ke hadrat Allah Ta'ala.

**Kesimpulan Yang Terulung Bagi Dua Kalimah *Syahadah* ( أشهد أن لا إله إلا الله )**

Lihat kembali apa yang dipegang oleh Rasulullah *sallallahu 'alayhi wasallam*, dan para sahabatnya, para *tabi'in* dalam 300 tahun iaitu dalam menunaikan:

1. Rukun Islam yang lima; *syahadatayn* ( شهادتين ) – dua kalimah *syahadah*, solat yang lima, zakat, *sawm* (puasa) Ramadhan dan menunaikan ibadah haji.
2. Bahawa 2 kalimah *syahadah* difahami dengan Rukun Iman sepenuhnya.
3. Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* seorang Rasul pilihan Allah menjadi Rasulullah yang terakhir. Lahirnya di Kota Makkah pada tahun Gajah bersamaan 670 tahun *miladiyyah*, dilantik menjadi Rasul di kala umurnya 40 tahun, menerima wahyu pertama *iqra'* ( اقرأ ) dan di sepanjang hayatnya Qur'an dan hadith-hadithnya adalah merupakan wahyu Allah berkekalan hingga ke akhir zaman menjadi pegangan umat Islam. Menerima fardhu solat di malam *isra'* ( إسرأ ) dan *mi'raj* ( معراج ), ketika berumur 53 tahun berhijrah ke Kota al-Madinah al-Munawwarah, di tahun ke-10 hijrah, Baginda

menunaikan ibadah haji wajib, itu jugalah haji *wida'* (وداع) baginya dan wafat pada hari Isnin 12 Rabi'ul Awwal tahun ke-10 hijrah dan dimakamkan di bilik Sayyidatina 'A'isyah pada hari Rabu 14 Rabi'ul Awwal tahun 10 hijriyyah.

## Rukun Iman Yang Kedua

Para malaikat yang wajib diketahui ialah sepuluh (10):

1. Jibril (جبريل) '*alayhissalam* – 'abd Allah (hamba Allah) bergelar *ruh al-amin* (روح الأمين). Penghulu sekalian malaikat, daripada urusannya menyampaikan wahyu kepada para Rasul.
2. Israfil (إسرافيل) '*alayhissalam* – 'abd *al-Rahman* (hamba *al-Rahman*) meniup sangkakala.
3. Mika'il (ميكائيل) '*alayhissalam* – 'abd *al-Rahman* (hamba *al-Rahman*) menurunkan angin dan hujan.
4. 'Izra'il (عزرائيل) '*alayhissalam* – 'abd *al-Jabbar* (hamba *al-Jabbar*) mengambil roh.
5. Raqib (رقيب) '*alayhissalam* – menulis amalan-amalan yang baik.
6. 'Atid (عتيد) '*alayhissalam* – menulis amalan-amalan yang jahat.
7. Munkar (منكر) '*alayhissalam* – menyoal hamba-hamba yang jahat di alam *barzakh*.
8. Nakir (نكير) '*alayhissalam* – menyoal hamba-hamba yang jahat di alam *barzakh*.
9. Malik Ridhwan (ملك رضوان) '*alayhissalam* – ketua penjaga-penjaga syurga.
10. Malik *al-Zabaniyyah* (ملك الزبانية) – ketua penjaga-penjaga neraka.

Tidak diketahui banyaknya bilangan malaikat melainkan Allah *subhanahu wata'ala* jua, firman-Nya:

Maksudnya:

*"Dan tiada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia-lah sahaja."*

## Rukun Iman Yang Ketiga

Bilangan kitab-kitab yang diturunkan kepada para Rasul-Rasul-Nya hanya Allah yang mengetahui banyak bilangannya. Yang wajib diketahui pada namanya sahaja, tidak pada kandungannya hanya:

1. *Zabur* ( زبور ) bagi Nabi Dawud 'alayhissalam.
2. *Tawrat* ( توراة ) bagi Nabi Musa 'alayhissalam.
3. *Injil* ( إنجيل ) bagi Nabi 'Isa 'alayhissalam.
4. *Al-Qur'an* ( القرآن ) bagi Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*.

### Rukun Iman Yang Keempat

Para Rasul yang wajib diketahui:

1. Adam ( آدم ) 'alayhissalam – Abu al-Basyar ( أبو البشر ).
2. Nuh ( نوح ) 'alayhissalam – Adam *Thaniyy* ( آدم ثاني ).
3. Ibrahim ( إبراهيم ) 'alayhissalam.
4. Ishaq ( إسحاق ) 'alayhissalam.
5. Ya'qub ( يعقوب ) 'alayhissalam.
6. Dawud ( داود ) 'alayhissalam.
7. Sulayman ( سليمان ) 'alayhissalam.
8. Yusuf ( يوسف ) 'alayhissalam.
9. Musa ( موسى ) 'alayhissalam.
10. Harun ( هارون ) 'alayhissalam.
11. Zakariyya ( زكريا ) 'alayhissalam.
12. Yahya ( يحيى ) 'alayhissalam.
13. Ayyub ( أيوب ) 'alayhissalam.
14. Ilyas ( إلياس ) 'alayhissalam.
15. Isma'il ( إسماعيل ) 'alayhissalam.
16. Ilyasa' ( إليسع ) 'alayhissalam.
17. Yunus ( يونس ) 'alayhissalam.
18. Lut ( لوط ) 'alayhissalam.
19. Idris ( إدريس ) 'alayhissalam.
20. Hud ( هود ) 'alayhissalam.
21. Salih ( صالح ) 'alayhissalam.
22. Shu'ayb ( شعيب ) 'alayhissalam.
23. Zulkifliyy ( ذو الكفلي ) 'alayhissalam.

24. 'Isa ( عيسى ) *'alayhissalam*.
25. Muhammad ( محمد ) *sallallahu 'alayhi wasallam – Khatam al-Nubuwwah* ( خاتم النبوة ).

Banyaknya bilangan nabi-nabi dan rasul-rasul tidak diketahui melainkan Allah jualah. Apa yang dinyatakan di kitab-kitab tawhid ialah 124,000 orang nabi, 313 orang rasul dan 5 orang daripadanya digelar *Ulu al-'Azm* ( أولو العزم ). Mereka ialah:

1. Ibrahim ( إبراهيم ) *'alayhissalam*.
2. Nuh ( نوح ) *'alayhissalam*.
3. Musa ( موسى ) *'alayhissalam*.
4. 'Isa ( عيسى ) *'alayhissalam*.
5. Muhammad ( محمد ) *Khatam al-Nubuwwah*, penghulu segala nabi dan rasul dan diutus kepada manusia seluruhnya. Selainnya diutus kepada kaum masing-masing.

### Rukun Iman Yang Kelima

Percaya datangnya hari kiamat. Menurut dalil *'aqliyy*, bahawa tiap yang baharu bermula dan berakhir, dan kiamat terbahagi kepada kiamat *sughra* ( صغرى ) dan kiamat *kubra* ( كبرى ).

Kiamat *sughra* ( صغرى ):

Berpindahnya makhluk daripada adanya di dunia menuju ke alam yang keempat iaitu alam *barzakh* ( برزخ ).

Adapun kiamat *kubra* ( كبرى ) ialah:

Berpindahnya semua makhluk ke alam *mahsyar* ( محشر ), alam yang kelima menunggu untuk berpindah ke alam *baqa'* ( بقاء ) sama ada ke syurga ( أمين يا رب العالمين ) atau ke dalam neraka ( والعياذ بالله ).

Sedia maklum bahawa makhluk Allah yang di permukaan bumi ini mempunyai kewajiban yang ditetapkan ialah manusia dan jin. Kedua-duanya ada yang mu'min dan ada yang kafir. Yang mu'min daripada keduanya bakal mendapat balasan yang disediakan iaitu syurga dan yang kafir daripada kedua-duanya bakal mendapat balasan ke neraka. Al-Imam Ahmad berkata:

الْكُفْرُ مِثْلُ وَاحِدَةٍ .

Maksudnya:

*"Orang kafir termasuk orang munafiqin dianggap suatu puak yang engkar."*

## Rukun Iman Yang Keenam

Percaya untung baik dan untung jahat kesemua pada hakikat adalah daripada Allah. Semua makhluk ciptaan-Nya dan apa yang berlaku menurut hakikat adalah dengan kehendaknya dan tidak berhak disoal ke atasnya. Malah makhluk akan disoal, firman-Nya:

Maksudnya:

*"Dia tidak boleh ditanya tentang apa yang Dia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak."*

Makhluk manusia dan jin diberi syari'at terletak di bawah hukum yang lima; wajib, haram, sunat, makruh dan *mubah* (harus), di bawahnya diberi pahala atau dosa. Kedua-dua pahala dan dosa adalah hak mutlak bagi Allah pada mengurniaknya, hanya bagi jin dan manusia hendaklah melakukan syari'at yang telah ditetapkan ke atasnya.

Adapun makhluk yang ketiga yang ada kaitan dengan manusia ialah makhluk malaikat, mereka terus menerus mematuhi apa yang disuruh dan tidak sekali-kali menderhakai Allah.

Adapun makhluk yang keempat yang ada kaitannya dengan manusia ialah iblis, yang telah mengutarakan hasratnya kepada Allah bahawa akan berusaha menipudaya anak cucu cicit Adam supaya duduk bersama-samanya dalam neraka. Allah berfirman:

Maksudnya:

*"Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu."*

Jika manusia itu berhati-hati pada tiap-tiap pertuturannya, pada tiap-tiap gerak-gerinya, pada tiap-tiap tingkahlakunya, segera kembali kepada syari'at Allah dan Rasul-Nya, terus berhemah, cermat pada segala-galanya, *insya' Allah* akan selamat di dunia dan di akhiratnya.

Makhluk manusia akan menuju masuk ke alam keempat (alam *barzakh*) sama ada dia dikuburkan atau tidak. Apabila berpisah roh (nyawa) daripada badan, putuslah usaha-usahnya di dunia ini kecuali orang yang telah menyediakan tiga perkara:

1. Ilmu pengetahuan yang bermanfaat yang diajarkan kepada mereka yang hidup, dan mereka pula mengajarkannya kepada yang lain atau dia beramal dengannya, begitulah seterusnya.
2. Meninggalkan anak yang *salih* yang sentiasa mendoakan baginya.
3. Sedekah jariah kebajikan yang berlanjutan lamanya seperti mendirikan masjid-masjid, madrasah-madrasah, sekolah-sekolah agama, wakaf dusun dan seumpamanya.

### **Menuju Ke Alam *Baqa'***

Suatu masa akan tiba bahawa semua makhluk Allah Ta'ala akan berakhir di permukaan bumi yang fana ini dan berpindah ke alam *mahsyar* (alam kelima), alam berhimpun menunggu ke mana hendak dituju. Tuju ke syurga jika mereka dari *ahl al-taqwa wa ahl al-maghfirah* ( أهل التقوى وأهل المغفرة ) – golongan bertaqwa menunaikan apa yang disuruh dan meninggalkan apa-apa yang dilarang dan golongan yang mendapat keampunan kerana mereka banyak ber-*istighfar* memohon ampun maaf kepada Allah atas kesalahan yang tidak dapat dielakkan.

Perpindahan dari alam dunia (alam ketiga) dan dari alam *barzakh* akan berlaku serentak seperti berikut:

Pertama: *al-nafkhah al-ula* ( النفخة الأولى )

Tiupan sangka kala yang pertama akan mematikan semua makhluk Allah yang telah diciptakan kecuali beberapa kejadian (akan dinyatakan).

Kedua: *al-nafkhakh al-thaniyyah* ( النفخة الثانية )

Tiupan sangka kala yang kedua bagi menghidupkan semula makhluk dan bersedia untuk berangkat ke alam *mashyar* (alam yang kelima). Di sana makhluk manusia berada dengan keadaan masing-masing dan atas kadar amalan masing-masing. Pokoknya, ada yang berada dalam senang-lenang dan ada yang berada dalam susah payah, begitulah hal ehwal mereka di padang *mashyar* ( محشر ).

Masing-masing golongan mencari nabi, rasul mereka, begitulah perolakkannya. Pada akhir mereka semua bertemu dengan Nabi Muhammad *khatam al-nubuwwah* ( خاتم النبوة ) memohon syafa'atnya. Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* lalu sujud di pangkal 'arasy ( عرش ), kemudian baginda mendengar titah perintah dari Allah:

أَسْفَعُ نَسْفَعُ

Maksudnya:

"Berilah syafa'at, diterima syafa'atmu."

Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam* mula memberi syafa'at kepada umatnya diikuti nabi-nabi yang lain.

### ***Fasl al-Qadha'* ( فصل القضاء ) – Perbezaan Keputusan Yang Terakhir**

Di sana ada syurga,

Di sana ada neraka,

Di sana ada *sirat* ( صراط ) – titi,

Di sana ada mizan ( ميزان ),

Di sana ada persuratan yang bakal diterima oleh makhluk manusia,

Di sana ada *hawdh* ( حوض ) – kolam di luar syurga.

Syurga:

Nikmatnya: *Ma la 'ayn ra'at, wala uzun sami'at, wala khatar 'ala qalb al-basyar* ( ما لا عين رأت ، ولا أذن سمعت ، ولا خطر على قلب البشر ) – Mata tidak pernah melihat, telinga tidak pernah mendengar dan tidak dapat dilintas ke atas hati manusia. Begitulah indahnya syurga Allah yang telah disediakan ke atas mereka yang *salihin*. Ianya ada lapan pintu:

1. *Maqam wa qarar* ( مقام وقرار ).
2. *Jalal* ( جلال ).
3. *Ma'wa* ( مأوى ).
4. *Dar al-salam* ( دار السلام ).
5. *Na'im* ( نعيم ).
6. *Dar al-khuld* ( دار الخلد ).
7. *'Adn* ( عدن ).
8. *Firdaws* ( فردوس ) – di bawah *'arasy*.

Neraka:

Segala jenis sengsara di sana memang tidak dapat digambarkan. Hanya ambil iktibar dari peristiwa ke atas seorang manusia yang suka menolong anak saudaranya Nabi Muhammad *sallallahu 'alayhi wasallam*. Menurut apa yang dinyatakan oleh hadith, Nabi berusaha supaya Abu Talib bertutur dua kalimah *syahadah* tetapi dia tidak berupaya berkata dengannya. Lalu Nabi menggores ke atas bumi satu garisan, sebelah kanan Islam dan sebelah kiri kufur. Juga Abu Talib gagal membuat sesuatu dan ia berkesudahan dalam keadaan kufur. Nabi mendoakan supaya ia dapat keringanan dari azab neraka. Ia hanya berada *dhakhdhakh min al-nar* ( ضخضاخ من النار ) iaitu berada di pinggir api neraka memakai dua kasut neraka, otaknya mendidih berkekalan, begitulah seterusnya.

Neraka ada tujuh peringkat:

- 1) Yang di atas sekali neraka *Jahannam* ( جهنم ) – bagi orang-orang mu'minin yang *'asin* ( عاصين ) dan tidak dapat pengampunan.
- 2) Neraka *Laza* ( لظى ) bagi orang Yahudi.
- 3) Neraka *Hutamah* ( حطمة ) bagi orang Nasara (Nasrani)
- 4) Neraka *Sa'ir* ( سعير ) bagi *sabi'in* ( صابئين ).
- 5) Neraka *Saqr* ( سقر ) bagi Majusi penyembah api.
- 6) Neraka *Jahim* ( جحيم ) bagi penyembah berhala.
- 7) Neraka *Hawiyah* ( هاوية ) neraka bagi *munafiqin*.

Titi:

Akan dilalui oleh semua dengan keadaan masing-masing menurut taraf amalan dan bekalan yang bersama-samanya.

*Mizan:*

Timbang bagi tiap amalan manusia. Firman Allah:

Maksudnya:

*"Setelah berlaku demikian, maka (manusia akan diberikan tempatnya menurut amal masing-masing); adapun orang yang berat timbangan amal baiknya, [6]. Maka ia berada dalam kehidupan yang senang lenang [7]. Sebaliknya orang yang ringan timbangan amal baiknya, [8]. Maka tempat kembalinya ialah "Hawiyah" [9]. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia "Hawiyah" itu? [10]. (Hawiyah itu ialah): Api yang panas membakar [11]."*

Suratan:

Segala yang dikerjakan oleh hamba disurati oleh malaikat. Yang berada di kanan bernama Raqib menulis yang baik dan yang ada di kiri bernama 'Atid menulis yang jahat atau salah. Suratan akan diberi balik kepada hamba-hamba Allah. Jika diberi kepadanya dari sebelah kanan adalah itu persuratan yang baik dan jika diberi kepadanya dari belakang atau dari sebelah kiri maka suratannya itu jahat.

*Al-Hawdh ( الحوض ):*

Suatu kolam di luar syurga bakal diminum airnya oleh tiap mereka yang masuk syurga dan setelah itu ia tidak haus selamanya. Segala yang diminum dari minuman syurga adalah nikmat bukan untuk menghilangkan haus.

Makhluk yang kekal tidak rosak dengan tiupan sangkakala:

1. Syurga.
2. Neraka.
3. *Qalam* ( قلم ).
4. *Mizan* ( ميزان ).
5. *Sirat* ( صراط ).

6. *Hawdh* ( حوض ).
7. *Mahsyar* ( محشر ).
8. *Kursiyy* ( كرسي ).
9. *'Arasy* ( عرش ).
10. *Hur al-'ayn* ( حور العين ).
11. *Lawh al-mahfuz* ( لوح المحفوظ ).
12. Roh.
13. *'Ajb al-zanab* ( عجب الذنب ).
14. *Jasad anbiya'* ( أنبياء ).
15. Dan *syuhada'* ( شهداء ).

Dan selainnya tidak diketahui melainkan Allah.

## Kesimpulan

1. Salah satu makhluk yang mempunyai tanggungjawab ialah manusia. Kejadiannya dilengkapi dengan jasad dan roh. Diciptainya melalui enam alam; *zarrah* ( ذرة ), *rahim* ( رحيم ), *syahadah* ( شهادة ), *barzakh* ( برزخ ), *mahsyar* ( محشر ) dan kembali alam *baqa'* ( بقاء ).
2. Supaya makhluk manusia berjaya melayari bahtera hidupnya di dunia dan akhirat, mereka diberi panduan tunjuk ajar, tawfiq hidayah melalui kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul utusan-Nya untuk memberi bimbingan seterusnya.
3. Mereka-mereka yang berada di antara dua zaman; rasul yang telah meninggalkan umatnya dan syari'atnya telah hilang atau hanya tinggal saki bakinya sahaja, mereka tidak dikira orang *'asin* ( عاصين ) yang melawan terhadap syari'at Allah, hinggalah datang kepada mereka syari'at yang dibawa oleh utusan Allah Ta'ala.
4. Dalam enam alam yang dilalui oleh manusia, hanya di alam *syahadah* mereka berusaha bagi mencapai kebahagiaannya, *hasanah* ( حسنة ) baik di dunia, *hasanah* ( حسنة ) di akhirat dan dilindungi daripada api neraka.

5. Cara-caranya: Berpegang teguh kepada kitab Allah al-Qur'an, hadith Rasul-Nya *sallallahu 'alayhi wasallam*, pendapat para sahabat *radhiyallahu 'anhum jami'an*, para *tabi'in rahimahumullah jami'an*, dan para ulama ahli *al-hadith* dan para ulama *mujtahidun* dari semasa ke semasa.
6. Dalam bidang ilmu aqidah Islamiyyah hendaklah berpegang teguh apa yang telah berpegang teguh oleh para *al-salaf al-salih* ( السلف الصالح ). Dalam tiga abad dengan rukun Islam, rukun iman dan melakukan ihsan pada segala-segalanya hinggakan hendak menyembelih dan membunuh pun mereka ber-*ihsan*, apatah lagi dalam mengerjakan ibadah kepada Allah Ta'ala. Mereka meng-*ithbat*-kan bagi Allah segala nama-nama-Nya, sifat-sifat-Nya dan *af'al*-Nya ( أفعال ) secara *ijmal* ( إجمال ) dan ada yang menghafaznya secara *tafsil* ( تفصيل ). Adapun secara *khalaf* ( خلف ) hendaklah dipelajari jua untuk meluaskan ilmu pengetahuan sebagaimana kata hikmah – cara *salaf* ( سلف ) lebih selamat, cara *khalaf* bertambah pengetahuan.
7. Dalam bidang *furu'* ( فروع ) masalah *ijtihad* ( إجتهدية ) dengan kaedah mazhab yang dianutinya dan mempunyai dalil-dalil yang *wadhih* ( واضح ) terang dan nyata, tidak berbalah-balah kerana mazhab atau pendapat atau sampai had mengkafirkan antara satu sama lain, maka harus diteruskan. Jika tidak, nescaya Syari'at Islam akan jumud, beku tidak berkembang.
8. Umat Islamiyyah hendaklah insaf!
  - a) Apakah bersatu padu lebih baik atau berpecah belah itu lebih baik?
  - b) Apakah berpegang dengan ajaran yang betul, tepat dengan hidayah Allah dan rasul-Nya itu lebih baik atau menyeleweng kepada ajaran-ajaran sesat itu lebih baik kerana puas hati dan berlainan dengan orang lain?
  - c) Awasilah anak, cucu-cicit daripada terjebak ke dalam gejala yang sering timbul tenggelam yang tidak berakhir. Pengawasan terus-menerus amat perlu dilakukan oleh kedua ibu bapa, pihak yang berkenaan semoga anak cucu cicit selamat daripada itu semuanya.

9. Apa yang diutarakan adalah petikan daripada beberapa buah kitab yang diringkaskan, harus kekurangan dan ketinggalan. Pada umumnya, harap diperbetulkan dengan sifat beramanah dan tanggungjawab.
  
10. Disudahi dengan doa: